



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**SKIM PERSARAAN SWASTA  
KETETAPAN UMUM NO. 9/2021**

**TARIKH PENERBITAN: 29 DISEMBER 2021**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**SKIM PERSARAAN SWASTA**

**Ketetapan Umum No. 9/2021  
Tarikh Penerbitan: 29 Disember 2021**

---

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua

Edisi pertama pada 24 Disember 2014

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Penubuhan dan Ciri-Ciri Skim	3
5. Layanan Cukai	8
6. Pengemaskinian dan Pindaan	20
7. Penafian	21

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## **1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan dan menjelaskan layanan cukai berkenaan dengan:

- (a) caruman skim persaraan swasta (SPS) yang dibuat oleh individu dan majikan;
- (b) pendapatan bagi dana SPS; dan
- (c) pengeluaran caruman SPS.

## **2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 6, 20 dan 109G, subseksyen 22(2), 34(4), 49(1D), 49(1E), 50(2), 50(3) dan perenggan 20 Jadual 6.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.3) 2020 - [P.U.(A) 153/2020].

## **3. Tafsiran**

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut-

- 3.1 “Hilang upaya langsung yang kekal” bermaksud hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].
- 3.2 “Individu” bermaksud orang sebenar.
- 3.3 “Majikan”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
  - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, atau
  - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar

saraan pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama yang bertindak dalam kapasiti yang berlainan.

- 3.4 “Pekerja”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan, atau
  - (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk satu tahun taksiran menurut seksyen 7 ACP.
- 3.6 “Penggajian” bermaksud –
- (a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, atau
  - (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.7 “Penyakit serius” bermaksud sindrom kurang daya tahan penyakit, penyakit Parkinson, kanser, kegagalan ginjal, leukemia atau lain-lain penyakit yang serupa.
- 3.8 “Skim Persaraan Swasta” bermaksud satu skim persaraan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS) mengikut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (APMP).
- 3.9 “Tahun asas”, berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca pendapatan penggajian, adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.10 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

#### **4. Penubuhan Dan Ciri-Ciri Skim**

##### **4.1 Pengenalan SPS**

- 4.1.1 Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah memperkenalkan SPS yang bertujuan untuk menggalakkan rakyat meningkatkan tabungan persaraan untuk hari tua. SPS merupakan suatu skim yang diluluskan oleh SS.
- 4.1.2 SPS bertujuan untuk meningkatkan pilihan yang ada untuk semua rakyat Malaysia, sama ada bergaji atau bekerja sendiri, untuk menambah simpanan persaraan mereka dalam persekitaran yang berstruktur dan dikawal selia.
- 4.1.3 SPS direka dengan pilihan, fleksibiliti, mampu dimiliki dan mudah diakses untuk menarik minat pelbagai lapisan masyarakat. Setiap penyedia SPS mengandungi rangkaian dana persaraan yang boleh dipilih untuk melabur oleh setiap individu berdasarkan keperluan dan matlamat persaraan individu tersebut.
- 4.1.4 Caruman kepada SPS boleh dibuat sama ada oleh individu sendiri atau majikannya.
- 4.1.5 Majikan juga boleh mencarum SPS untuk pekerja sebagai ganjaran kepada pekerja yang berprestasi cemerlang. SPS boleh digunakan oleh majikan sebagai medium untuk mengekalkan pekerja yang cemerlang dan menggalakkan kesetiaan pekerja terhadap majikan.

##### **4.2 Penyedia SPS**

- 4.2.1 Penyedia SPS terdiri daripada syarikat pengurusan aset dan merupakan sebuah badan yang diluluskan oleh SS di bawah seksyen 139Q APMP.
- 4.2.2 Penyedia SPS akan menawarkan skim dan menguruskan dana yang ditetapkan untuk kepentingan dan manfaat pelabur. Penyedia SPS tertakluk kepada keperluan pengawalseliaan dan pengawasan berterusan oleh SS.
- 4.2.3 Syarat kelayakan bagi Penyedia SPS ada diterangkan di dalam Garis Panduan Skim Persaraan Swasta yang diterbitkan oleh SS.

### **4.3 Pentadbir Pencen Swasta**

- 4.3.1 Untuk memberikan perkhidmatan yang efisien dan kemudahan untuk pelabur, Pentadbir Pencen Swasta (PPS) telah ditubuhkan oleh SS untuk menyediakan kerangka pentadbiran yang cekap bagi perkembangan dan operasi pencen swasta. Antara tanggungjawabnya termasuk menjejaki caruman SPS pelabur serta menyimpan semua rekod transaksi berkaitan dengan SPS yang dibuat oleh pelabur.
- 4.3.2 Dengan wujudnya PPS, pelabur kini boleh mengakses dengan mudah maklumat yang digabungkan mengenai semua pelaburan mereka dalam SPS, tidak kira berapa banyak dana yang dilaburkan atau bilangan penyedia SPS yang mereka gunakan.
- 4.3.3 Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PPS di <https://www.ppa.my>.

### **4.4 Pemegang Amanah**

- 4.4.1 Pemegang amanah adalah diluluskan di bawah seksyen 139ZC APMP oleh SS.
- 4.4.2 Tanggungjawab pemegang amanah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012 adalah untuk:
- (a) pada setiap masa menjalankan kuasanya bagi tujuan yang sepatutnya dan dengan suci hati untuk kepentingan yang terbaik bagi pelabur secara keseluruhannya;
  - (b) menjaga dan mengawal segala sekuriti, derivatif, harta dan aset suatu dana skim persaraan swasta dan memegangnya sebagai amanah untuk pelabur mengikut peruntukan dan waad surat ikatan, peruntukan APMP, peraturan dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh SS; dan
  - (c) menyimpan rekod semua transaksi berkenaan dengan dana SPS dan memastikan semua akaun dan rekod disimpan dengan lengkap dan tepat.

### **4.5 Ciri-ciri SPS**

- 4.5.1 SPS adalah satu skim pelaburan jangka panjang secara sukarela yang menawarkan pelbagai jenis dana untuk memenuhi profil risiko yang berbeza.

- 4.5.2 SPS beroperasi sebagai satu skim unit amanah dengan pemegang amanah untuk memastikan aset dana diasingkan daripada penyedia SPS. Dana di bawah SPS akan diuruskan secara profesional oleh penyedia SPS untuk memenuhi objektif persaraan pelabur.
- 4.5.3 SPS terbuka kepada semua individu yang berumur 18 tahun ke atas.
- 4.5.4 Tiada jumlah tertentu atau tempoh tertentu yang ditetapkan untuk mencarum kepada dana SPS. Ini bermakna caruman adalah fleksibel bergantung kepada keupayaan kewangan pelabur.
- 4.5.5 Pilihan untuk menukar dana dalam satu SPS yang diuruskan oleh penyedia SPS yang sama dibolehkan pada bila-bila masa. Pilihan untuk bertukar kepada penyedia SPS lain dibolehkan sekali dalam satu tahun kalendar dengan syarat bahawapelabur itu telah menyertai dana SPS tersebut selama satu tahun.

#### 4.6 Jenis-jenis Dana

- 4.6.1 SPS menawarkan pelbagai jenis dana yang mana seorang pelabur boleh mencarum kepada lebih daripada satu dana di bawah mana-mana penyedia SPS, atau mencarum kepada lebih daripada satu dana SPS yang ditawarkan oleh mana-mana penyedia SPS yang berbeza.
- 4.6.2 Pilihan dana yang ditetapkan disediakan bagi pelabur yang tidak menetapkan pilihan dana. Pilihan dana yang ditetapkan disediakan bagi kumpulan umur yang berbeza. Penyedia SPS perlu memastikan bahawa pelabur yang berkenaan disalurkan kepada dana teras di bawah dana yang ditetapkan mengikut kumpulan umur masing-masing seperti yang ditunjukkan di bawah –

	<b>Dana Pertumbuhan</b>	<b>Dana Sederhana</b>	<b>Dana Konservatif</b>
<b>Kumpulan Umur</b>	Bawah 45 tahun	45 hingga 54 tahun	55 tahun dan ke atas
<b>Pelaburan</b>	Maksimum 70% dalam ekuiti.  Pelaburan di luar Malaysia dibenarkan.	Maksimum 60% dalam ekuiti.  Pelaburan di luar Malaysia dibenarkan.	80% dalam debentur/ instrumen pendapatan tetap yang mana 20% daripadanya mestilah dalam instrumen pasaran wang dan maksimum 20% dalam ekuiti.



			Pelaburan di luar Malaysia tidak dibenarkan.
--	--	--	--

#### 4.7 Agihan dan Pengeluaran Caruman

- 4.7.1 Caruman kepada dana SPS akan dibahagikan kepada sub-akaun A dan B, yang terdiri daripada 70% dan 30% masing-masing daripada jumlah keseluruhan caruman. Nilai sub-akaun A dan B boleh bertambah atau berkurang mengikut harga unit dana SPS.
- 4.7.2 Pengeluaran caruman bagi setiap akaun adalah seperti berikut –
- (a) sub-akaun A:
- hanya boleh dikeluarkan apabila mencecah usia persaraan pada umur 55 tahun, dan
- (b) sub-akaun B:
- hanya boleh dikeluarkan sekali setahun.
- 4.7.3 Caruman dalam sub-akaun A dan sub-akaun B boleh dikeluarkan pada bila-bila masa atas sebab-sebab berikut:
- (a) hilang upaya langsung yang kekal;
- (b) penyakit serius;
- (c) ketidakupayaan mental;
- (d) meninggal dunia; atau
- (e) meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya.
- 4.7.4 Berkuat kuasa 1 Januari 2020, pengeluaran daripada sub-akaun B juga boleh dibuat atas alasan yang berikut:
- (a) penjagaan kesihatan; dan
- (b) perumahan.
- 4.7.4.1 Pengeluaran untuk penjagaan kesihatan
- (i) Pengeluaran adalah dibenarkan bagi penyakit-penyakit yang disenaraikan di bawah Jadual J, Garis panduan

SPS yang dikeluarkan oleh SS atau apa-apa penyakit yang dinyatakan oleh SS, termasuk peralatan perubatan dan/atau ubat-ubatan yang ditetapkan, secara bertulis, oleh pengamal perubatan berhubung penyakit yang berkenaan.

- (ii) Pengeluaran sebelum persaraan daripada sub-akaun B hanya boleh dibuat sekali bagi setiap tahun kalender daripada setiap penyedia SPS dengan syarat ahli SPS telah menjadi ahli bagi skim itu sekurang-kurangnya satu tahun.
- (iii) Pengeluaran tersebut adalah untuk penjagaan kesihatan ahli SPS atau keluarga terdekat ahli termasuk pasangan, anak, ibu bapa dan adik beradik.
- (iv) Pengeluaran tersebut adalah untuk rawatan di dalam negara atau di negara asing.

#### 4.7.4.2 Pengeluaran untuk perumahan

- (i) Pengeluaran sebelum persaraan daripada sub-akaun B hanya boleh dibuat sekali bagi setiap tahun kalender daripada setiap penyedia SPS dengan syarat ahli SPS telah menjadi ahli bagi skim itu sekurang-kurangnya satu tahun.
- (ii) Permohonan pengeluaran untuk perumahan hanya boleh dibuat dengan syarat sub-akaun B berbaki minimum RM500.00.
- (iii) Terdapat tiga (3) jenis pengeluaran yang dibenarkan berkaitan perumahan iaitu:
  - (a) pengeluaran untuk pembiayaan pembelian atau membina harta kediaman di Malaysia;
  - (b) pengeluaran untuk menebus balik atau mengurangkan pinjaman perumahan di Malaysia; dan
  - (c) pengeluaran untuk membiayai skim sewa untuk miliki atau skim perumahan yang lain di Malaysia seperti yang dinyatakan oleh SS.

## 5. Layanan Cukai

### 5.1 Potongan untuk caruman yang dibayar oleh individu

#### 5.1.1 Kelayakan dan potongan cukai

Caruman yang dibayar ke dana SPS oleh individu boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 49(1D) ACP dalam pengiraan pendapatan bercukai seseorang individu yang bermastautin di Malaysia bagi suatu tahun taksiran itu. Potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada maksimum RM3,000 dalam suatu tahun taksiran.

Namun demikian, amaun maksimum RM3,000 ini adalah termasuk bayaran premium untuk anuiti tertanggung. Potongan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2025.

#### Contoh 1

Salleh telah membuat caruman ke dana SPS bagi tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran 2020 berjumlah RM1,500 dan RM4,500 masing-masing. Tiada bayaran premium anuiti tertanggung dibuat. Potongan yang boleh dibenarkan bagi caruman SPS adalah seperti berikut:

<b>Tahun Taksiran</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Potongan dibenarkan	RM1,500	RM3,000 (terhad)

#### Contoh 2

Jadual di bawah menunjukkan –

- jumlah caruman SPS dan premium anuiti tertanggung yang dibuat dalam tahun taksiran 2020 oleh individu-individu; dan
- amaun potongan yang boleh dibenarkan dalam tahun taksiran 2020.

<b>No.</b>	<b>Nama individu</b>	<b>Bayaran atau caruman yang dibuat dalam tahun taksiran 2020</b>	<b>Amaun potongan yang boleh dibenarkan dalam tahun taksiran 2020</b>
------------	----------------------	---	---

		Jumlah caruman SPS (RM)	Jumlah premium anuiti tertanggung (RM)	Amaun agregat (RM)	Amaun C atau RM3,000, yang mana lebih rendah (RM)
		A	B	C = A+B	
1.	Ali	2,000	-	2,000	2,000
2.	Amin	-	2,500	2,500	2,500
3.	Siva	3,000	-	3,000	3,000
4.	Sukri	-	3,000	3,000	3,000
5.	Paul	10,000	-	10,000	3,000
6.	Chua	-	8,000	8,000	3,000
7.	Saat	1,800	1,000	2,800	2,800
8.	Charles	1,800	1,900	3,700	3,000
9.	Tan	4,000	5,000	9,000	3,000
10.	Abu	5,000	2,000	7,000	3,000

### 5.1.2 Potongan terhadap jumlah pendapatan

Amaun caruman SPS yang boleh dibenarkan bagi suatu tahun taksiran akan ditolak terhadap jumlah pendapatan individu pemastautin dalam pengiraan pendapatan bercukainya.

#### Contoh 3

Mary masih bujang dan beliau bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2020 dengan pendapatan berkanun seperti berikut:

Punca Pendapatan	Pendapatan Berkanun (RM)
Perniagaan	70,000
Penggajian	180,000
Sewa	12,000

Bagi tahun berakhir 31.12.2020, beliau telah membuat bayaran seperti berikut:

<b>Jenis Bayaran</b>	<b>Amaun (RM)</b>
KWSP	19,800
Premium insurans hayat	7,000
Caruman SPS	4,000

**Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2020**

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan berkanun perniagaan	70,000	
Pendapatan berkanun penggajian	180,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>12,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		262,000
Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Premium insurans hayat RM3,000	} (Dihadkan) 7,000	
KWSP RM4,000		
Caruman SPS RM4,000	(Dihadkan) <u>3,000</u>	<u>19,000</u>
Pendapatan Bercukai		<u>243,000</u>

**Contoh 4**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3, kecuali bayaran yang dibuat adalah seperti berikut:

<b>Jenis Bayaran</b>	<b>Amaun (RM)</b>
KWSP	19,800
Premium insurans hayat	7,000

Premium anuiti tertanggung	1,200
Caruman SPS	1,600

**Pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2020**

	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan	70,000	
Pendapatan berkanun penggajian	180,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>12,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		262,000
Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Premium insurans hayat RM3,000	} (Dihadkan) 7,000	
KWSP RM4,000		
Premium anuiti tertanggung RM1,200		
Caruman SPS <u>RM1,600</u>	<u>2,800</u>	<u>18,800</u>
Pendapatan Bercukai		<u>243,200</u>

**5.1.3 Taksiran bersama**

Subseksyen 50(2) dan 50(3) ACP memperuntukkan bahawa sekiranya suami atau isteri memilih untuk membuat taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP, maka caruman SPS atau premium anuiti tertanggung yang dibayar oleh suami atau isteri akan disifatkan telah dibuat oleh pasangannya dan amaun layak dituntut hendaklah tidak melebihi RM3,000.

**Contoh 5**

Munir dan isterinya, Ain bermastautin di Malaysia dan tinggal bersama dalam tahun asas 2020. Ain memilih untuk mengumpulkan jumlah pendapatannya dengan jumlah pendapatan suaminya dan ditaksir atas nama suami.

Pendapatan berkanun Munir dan isteri untuk tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

<b>Punca Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Berkanun (RM)</b>
Penggajian (Munir)	200,000
Sewa (Ain)	15,000

Bagi tahun berakhir 31.12.2020, bayaran berikut telah dibuat:

<b>Jenis Bayaran</b>		<b>Amaun (RM)</b>
KWSP	Munir	22,000
Premium insurans hayat	Munir	7,000
Premium anuiti tertanggung	Munir	2,000
Caruman SPS	Ain	2,000
	Munir	5,000

**Pengiraan cukai Munir bagi tahun taksiran 2020**

	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jumlah pendapatan Munir	200,000	
Jumlah pendapatan Ain	<u>15,000</u>	
<b>Pendapatan Agregat / Jumlah pendapatan</b>		215,000
Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	3,000	
Premium insurans hayat RM3,000 KWSP RM4,000	} (Dihadkan) 7,000	
Premium anuiti tertanggung RM2,000 Caruman SPS RM7,000	} (Dihadkan) 3,000	
		<u>22,000</u>
Pendapatan Bercukai		<u>193,000</u>

**Contoh 6**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 5, kecuali bagi tahun berakhir 31.12.2020, bayaran yang dibuat adalah seperti berikut:

Jenis Bayaran		Amaun (RM)
KWSP	Munir	22,000
Premium insurans hayat	Munir	7,000
Caruman SPS	Ain	1,000
	Munir	1,000

**Pengiraan cukai Munir bagi tahun taksiran 2020**

	RM	RM
Jumlah pendapatan Munir	200,000	
Jumlah pendapatan Ain	<u>15,000</u>	
<b>Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan</b>		<b>215,000</b>
Tolak: Potongan bagi –		
Diri & saudara tanggungan	9,000	
Isteri	3,000	
Premium insurans hayat RM3,000 EPF RM4,000		} (Dihadkan) 7,000
Caruman SPS	2,000	
Pendapatan Bercukai		<u>194,000</u>

**5.2 Potongan bagi caruman yang dibayar oleh majikan**

5.2.1 Caruman yang dibuat oleh majikan bagi pihak pekerja dalam SPS adalah layak dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 34(4) ACP. Amaun yang dibenarkan itu adalah terhad kepada maksimum 19% daripada pendapatan kasar penggajian.

**Contoh 7**

Kreatif Sdn Bhd telah membuat caruman berikut bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2020:

- (a) caruman KWSP sebanyak 12% daripada saraan pekerja ; dan
- (b) caruman dana SPS 7% daripada saraan pekerja.



Jumlah saraan pekerja pada tempoh tersebut adalah RM300,000. Potongan yang dibenarkan kepada syarikat di bawah subseksyen 34(4) ACP adalah sebanyak RM57,000 (RM300,000 x 19%).

### **Contoh 8**

Impian Maju Sdn Bhd telah membuat caruman kepada KWSP sebanyak 12% dan dana SPS sebanyak 9% daripada saraan pekerja dalam tahun 2020. Jumlah saraan pekerja adalah sebanyak RM550,000 untuk tahun 2020.

Jumlah potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 34(4) ACP adalah 19% jumlah saraan pekerja sahaja iaitu RM104,500. Lebihan 2% caruman tidak dibenarkan sebagai potongan. Lebihan amaun caruman sebanyak RM11,000 akan ditambah balik dalam pengiraan cukai syarikat.

- 5.2.2 Hak pekerja ke atas manfaat daripada caruman SPS yang dibuat oleh majikan untuk pekerjaannya adalah tertakluk kepada jadual peletakhakan (vesting schedule). Jadual peletakhakan menunjukkan tempoh pekerja mempunyai hak undang-undang untuk menerima manfaat ke atas sumbangan yang dibuat oleh majikannya. Pekerja hanya akan mendapat manfaat terakru apabila skim tersebut diletak hak untuk tempoh tertentu mengikut perjanjian.
- 5.2.3 Sekiranya pekerja berhenti kerja sebelum tempoh peletakhakan yang ditetapkan, majikan adalah layak menerima lebihan daripada dana SPS. Walau bagaimanapun, peruntukan di bawah subseksyen 22(2) ACP adalah terpakai bagi penerimaan ini.

### **Contoh 9**

Hamdan telah menandatangani perjanjian berkaitan suatu skim manfaat persaraan di bawah SPS dengan majikan. Berdasarkan perjanjian tersebut, Hamdan perlu bekerja sekurang-kurangnya 6 tahun dengan syarikat dari tarikh mula perkhidmatan untuk melayakkan beliau menikmati manfaat penuh yang ditawarkan di bawah skim tersebut. Berikut adalah jadual peletakhakan yang dinyatakan di dalam perjanjian di antara Hamdan dan majikannya:

<b>Tahun Perkhidmatan</b>	<b>Peletakhakan (%)</b>
1 tahun	0
2 tahun	20
3 tahun	40

4 tahun	60
5 tahun	80
6 tahun	100

Hamdan bekerja dengan Cergas Mewah Sdn Bhd dengan gaji sebanyak RM60,000 setahun. Majikan telah mencarum sebanyak RM4,200 setahun (7% daripada gaji Hamdan) ke dana SPS pilihannya.

Hamdan telah berhenti kerja daripada Cergas Mewah Sdn Bhd selepas 3 tahun perkhidmatan di syarikat tersebut pada umur 50 tahun. Caruman bagi tempoh 3 tahun adalah sebanyak RM12,600. Nilai aset bersih dana SPS tersebut telah menurun kepada RM10,000 pada akhir tahun ketiga.

Berdasarkan jadual peletakhakan, Hamdan akan layak kepada manfaat terakru sebanyak 40% manakala majikannya akan menerima kembali bakinya sebanyak 60%. Layanan cukai ke atas Hamdan dan Cergas Mewah Sdn Bhd adalah seperti berikut –

(a) Hamdan

Layak kepada manfaat terakru sebanyak RM4,000 [sub- akaun A: RM2,800 (70%) dan sub-akaun B: RM1,200 (30%)]. Sekiranya Hamdan mengeluarkan amaun dalam sub-akaun B, beliau tertakluk kepada cukai pegangan 8% melainkan pengeluaran di bawah perenggan 4.7.3, 4.7.4 dan 5.3.4; dan

(b) Cergas Mewah Sdn Bhd

Jumlah sebanyak RM6,000 (60% x RM10,000) akan dikembalikan kepada majikan. Jumlah yang diterima akan menjadi sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar perniagaan syarikat sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 22(2) ACP.

### 5.3 Pengeluaran Caruman

- 5.3.1 Melainkan pengeluaran berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.3, 4.7.4 dan 5.3.4, cukai pegangan (cukai muktamad) pada kadar 8% dikenakan bagi pengeluaran sebelum mencapai umur lima puluh lima (55) tahun..

- 5.3.2 Pengeluaran dana yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah perenggan 4.7.3, 4.7.4 dan 5.3.4 adalah dikecualikan cukai pegangan.
- 5.3.3 Pelabur dibenarkan mengeluarkan caruman daripada sub-akaun B sekali dalam setahun. Di bawah peruntukan seksyen 109G ACP, pembayar (penyedia SPS) perlu memotong cukai pada kadar 8% atas amaun yang dikeluarkan. Jumlah cukai pegangan yang telah dipotong hendaklah diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh 1 bulan (atau lebih jika mendapat kelulusan lanjutan masa daripada KPHDN) selepas membuat bayaran kepada pelabur.

### Contoh 10

Makmur berumur 47 tahun, telah mencarum kepada suatu dana SPS mulai tahun 2017. Pada 1 Mac 2019, beliau telah mengeluarkan sebahagian caruman dari sub-akaun B. Berikut adalah maklumat akaun Makmur –

Tahun	Caruman	Sub-Akaun A (RM)	Sub-Akaun B (RM)
2017	RM1,000	700	300
	Baki h/h <sup>(1)</sup>	<b>700</b>	<b>300</b>
2018	RM2,000	1,400	600
	Baki h/h	<b>2,100</b>	<b>900</b>
2019	Pengeluaran	-	(600)
	Baki h/h	<b>2,100</b>	<b>300</b>

Nota:

h/h<sup>(1)</sup> - hantar hadapan

Jumlah pengeluaran	RM600
Cukai pegangan @ 8%	<u>RM 48</u>
<b>Amaun diterima oleh Makmur</b>	<b><u>RM552</u></b>

### Contoh 11

Fakta sama seperti Contoh 10. Tiada caruman tambahan dibuat dalam tahun 2019. Makmur sebaliknya telah mengeluarkan sebahagian caruman dari sub-akaun B pada 13 Mei 2020 dan bukannya pada 1

Mac 2019, bagi tujuan penjagaan kesihatan. Berikut adalah maklumat akaun Makmur–

<b>Tahun</b>	<b>Caruman</b>	<b>Sub-Akaun A (RM)</b>	<b>Sub-Akaun B (RM)</b>
2017	RM1,000	700	300
Baki h/h		<b>700</b>	<b>300</b>
2018	RM2,000	1,400	600
Baki h/h		<b>2,100</b>	<b>900</b>
2020	Pengeluaran	-	(600)
Baki h/h		<b>2,100</b>	<b>300</b>

Jumlah Pengeluaran

RM600

Cukai pegangan @ 8%

Tiada

(Pengecualian cukai pegangan bagi pengeluaran kerana penjagaan kesihatan, berkuatkuasa mulai 1.1.2020)

**Amaun diterima oleh Makmur**

**RM600**

5.3.4 Selain pengeluaran sebelum mencapai umur 55 tahun yang disenaraikan di perenggan 4.7.3 dan 4.7.4, pengecualian cukai pegangan juga terpakai bagi pengeluaran sebelum persaraan daripada sub-akaun B di bawah P.U.(A) 153/2020 mengikut keadaan-keadaan yang berikut:

- (i) Semua ahli SPS di bawah umur 55 tahun adalah layak untuk membuat permohonan pengeluaran kepada penyedia SPS;
- (ii) Pengecualian cukai adalah tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,500 yang dikeluarkan daripada setiap penyedia SPS. Pengeluaran yang melebihi RM1,500 daripada setiap penyedia SPS boleh dikenakan cukai ; dan
- (iii) Tempoh pengecualian adalah bermula dari 30 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.

### **Contoh 12**

Hannah telah mencarum kepada dua (2) dana SPS semenjak tahun 2018. Dia telah mengeluarkan sebahagian caruman dari sub-akaun B pada 15 Mei 2020 berikutan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Berikut adalah maklumat kedua-dua akaun Hannah –

<b>Penyedia SPS</b>	<b>Sub-Akaun A (RM)</b>	<b>Amaun Pengeluaran (RM)</b>
Penyedia A	1,500	500
Penyedia B	2,500	2,000

**Penyedia SPS A**

Jumlah Pengeluaran	RM500	
Cukai pegangan @ 8%	<u>Tiada</u>	(Pengecualian cukai pegangan bagi pengeluaran di bawah P.U.(A) 153/2020)
<b>Amaun diterima oleh Hannah</b>	<b><u>RM500</u></b>	

**Penyedia SPS B**

Jumlah Pengeluaran	RM2,000
Cukai pegangan @ 8% <sup>1</sup>	<u>RM 40</u>
<b>Amaun diterima oleh Hannah</b>	<b><u>RM 1,960</u></b>

**Nota**

<sup>1</sup> Had maksimum pengeluaran tidak dikenakan cukai pegangan ialah RM1,500 bagi setiap penyedia SPS. Oleh itu, cukai pegangan pada kadar 8% akan dikenakan ke atas baki pengeluaran dari sub-akaun B Penyedia SPS B [(RM2,000 – RM1,500) x 8% = RM40].

- 5.3.5 Sekiranya penyedia SPS gagal untuk meremitkan cukai pegangan kepada KPHDN dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh bayaran dibuat kepada pelabur, maka jumlah cukai pegangan yang tidak dibayar itu akan dikenakan kenaikan sebanyak 10%.

**Contoh 13**

Fakta sama seperti Contoh 12, penyedia SPS gagal meremitkan bayaran RM40 dalam tempoh satu bulan dari tarikh bayaran dibuat kepada Hannah. Dalam keadaan ini kenaikan cukai sebanyak 10% atas jumlah cukai pegangan yang tidak diremitkan akan dikenakan ke atas penyedia SPS.

Cukai pegangan yang tidak dibayar	RM40.00
10% kenaikan cukai	<u>RM 4.00</u>
<b>Hutang kepada Kerajaan</b>	<b><u>RM44.00</u></b>

- 5.3.6 KPHDN boleh menggunakan budi bicaranya untuk menghapuskan keseluruhan atau sebahagian daripada kenaikan cukai yang dikenakan.
- 5.3.7 Sekiranya penyedia SPS telah membuat bayaran kepada pelabur tanpa memotong cukai pegangan, cukai pegangan masih perlu dibayar dan dikemukakan kepada KPHDN. Penyedia SPS boleh menuntut semula amaun cukai pegangan tersebut daripada pelabur.

#### **Contoh 14**

Ghazali mencarum kepada suatu dana SPS yang dibuat melalui potongan gaji oleh majikan pada setiap bulan. Ghazali telah memohon untuk mengeluarkan sebahagian caruman berjumlah RM30,000 sebelum mencapai umur 55 tahun.

Penyedia SPS gagal membuat potongan cukai pegangan 8% ke atas jumlah yang dibayar kepada Ghazali. Walaupun bayaran penuh telah dibuat kepada Ghazali, penyedia SPS masih perlu membayar cukai pegangan sebanyak RM2,400 (RM30,000 @ 8%) kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan dari tarikh bayaran dibuat kepada Ghazali. Penyedia SPS boleh menuntut balik RM2,400 daripada Ghazali.

#### **5.4 Pertukaran dana**

Pertukaran kepada dana lain daripada penyedia SPS yang sama adalah dibenarkan pada tahun pertama tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen pendedahan skim. Dalam kes ini, tiada cukai pegangan dikenakan kerana pelabur tidak mengeluarkan sebarang manfaat berbentuk tunai ketika pertukaran dana tersebut dibuat.

#### **5.5 Pindah dana**

Pindah dana ialah pemindahan dana dari satu penyedia SPS kepada penyedia SPS yang lain dan ianya hanya boleh diarahkan di antara penyedia SPS selepas tempoh pertama melanggan SPS dikira dari tarikh caruman pertama. Tiada cukai pegangan dikenakan kerana pelabur tidak mengeluarkan sebarang manfaat berbentuk tunai ketika pemindahan dana tersebut dibuat.

#### **5.6 Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh dana SPS**

- 5.6.1 Pendapatan yang diterima oleh dana SPS dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 20, Jadual 6 ACP.

5.6.2 Penyedia SPS dikehendaki menyimpan akaun berasingan bagi setiap dana SPS yang diuruskan olehnya.

### 5.7 Agihan keuntungan yang diterima oleh pelabur

Sekiranya dana SPS mengagihkan keuntungan kepada pelaburnya dalam bentuk unit dan dikreditkan dalam akaun pelabur, agihan keuntungan sedemikian tidak dikenakan cukai memandangkan pelabur tidak membuat sebarang pengeluaran dari dana tersebut.

## 6. Pengemaskinian dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 9/2014 bertarikh 24 Disember 2014.	<b>Pindaan</b>	
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penerangan
	2	Subperenggan 2.2 dipinda.
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subperenggan 4.1.5, 4.7 dan 4.7.1 (versi BM) dipinda.</li> <li>• Subperenggan baharu 4.2.3, 4.3.4 dan 4.7.4 dimasukkan.</li> <li>• Jadual di bawah subperenggan 4.6.2 dipinda.</li> </ul>	
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subperenggan 5.1.1, 5.2.1, 5.3, 5.3.1, 5.3.2, 5.3.4, 5.4 dan 5.5 dipinda.</li> <li>• Subperenggan 5.3.4 dan 5.3.5 terdahulu diatur semula menjadi subperenggan 5.3.5 dan 5.3.6 masing-masing.</li> <li>• Subperenggan 5.3.6 terdahulu dipinda dan diatur semula menjadi</li> </ul>	

		<p>perenggan 5.3.7.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Subperenggan 5.5 dan 5.6 terdahulu diatur semula menjadi subperenggan 5.6 dan 5.7 masing-masing.</li><li>• Semua Contoh telah dipinda. Contoh baharu, 5, 6, 10, 11 dan 12 dimasukkan.</li><li>• Contoh 11 dan 12 terdahulu diatur semula menjadi Contoh 13 dan 14 masing-masing.</li></ul>	
--	--	--	--

**7. Penafian**

Contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**